

25 NOV 1996

Abdullah - Asiaweek

LAPORAN ASIA WEEK MUSLIHAT PECAH BELAHKAN UMNO

SHAH ALAM, 25 Nov (Bernama) -- Spekulasi-spekulasi yang sering ditimbulkan media massa barat selalunya mempunyai muslihat untuk memecah belahkan perpaduan di Malaysia, kata Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Katanya, mereka selalunya mempunyai motif tersendiri untuk melemahkan kekuatan ekonomi negara, seperti spekulasi majalah Asiaweek mengenai kemunculan Tengku Razaleigh Hamzah dalam UMNO boleh mengugat kedudukan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Laporan itu jahat... membuat isu dari perkara yang bukan menjadi isu untuk memecah-belahkan perpaduan kita dalam UMNO," kata Abdullah yang juga Naib Presiden UMNO selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Shawal Farm Sdn Bhd dengan syarikat Bangladesh, Aymon Nessa Trader di Ekspo Perdagangan Melayu Sedunia (MATREX '96) di sini.

Beliau berkata, laporan itu mempunyai muslihat halus pihak-pihak tertentu bagi melemahkan ekonomi negara dan mereka akan seronok bila melihat negara lain k kacau bilau.

Laporan seperti itu menyusahkan parti kerana banyak pihak perlu membuat kenyataan bagi mententeramkan keadaan, katanya, sambil menyifatkannya seperti "orang lain pukul gendang, kita pula menari".

Abdullah juga berkata beliau bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa media Australia adalah penipu besar yang sentiasa mengeluarkan cerita memburukkan Malaysia semata-mata untuk melariskan jualan mereka.

Dr Mahathir semalam membidas beberapa media cetak Australia yang membuat laporan negatif kononnya Malaysia akan bermandi darah berikutan demonstrasi ketika persidangan Asia Pasifik mengenai Timur Timor (Apcet II) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Abdullah berkata Kerajaan Australia sendiri rimas dengan sikap medianya yang bertindak keterlaluan menyiarkan cerita negatif mengenai Malaysia.

Mengenai hubungan Malaysia dengan Indonesia berikutan Apcet II itu, beliau berkata Indonesia sendiri bersetuju dengan tindakan Malaysia dalam menangani kekecohan pada persidangan Apcet II itu dan Kerajaan Indonesia mengutuskan surat terima kasih kepada Malaysia.

Pada majlis itu Shawal Farms diwakili Pengarah Urusannya Mohammad Ahmad Shawal dan Aymon oleh pemiliknya Mizul Karim bagi membolehkan syarikat itu mengedarkan minyak masak keluaran Shawal di Bangladesh. -- BERNAMA

KM WAT